

# Rampas 18 kontena bernilai RM3j

Cubaan bawa masuk kontena mengandungi daging lembu, ayam dan itik mentah berjaya dipatahkan

■ NORSHIKIN MOHD SALLEH

JOHOR BAHRU - Cubaan membawa masuk 18 kontena mengandungi bahan mentah berasaskan daging tanpa permit berjaya digagalkan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Johor.

Pengarah Maqis Wilayah Selatan, Siti Nur Ahmad berkata kontena yang mengandungi daging lembu, ayam dan itik mentah itu dianggarkan bernilai RM3 juta.

Menurutnya, rampasan itu adalah kejayaan terbesar buat Maqis Wilayah Selatan dan Jabatan Kastam Johor.

"Jabatan Kastam berjaya mengesan 18 kontena ini yang dibawa masuk menerusi Pelabuhan Tanjung Pelepas yang disyorkan sebagai barangan makanan pada 14 Januari lalu.

"Perkara ini diserahkan kepada

Maqis untuk lakukan siasatan lanjut dan menemui tiga kontena berisi daging, setengah kontena muatan daging itik dan selebihnya mengandungi daging ayam yang telah diproses tanpa sebarang permit serta dokumen pengesahan status halal," katanya kepada *Sinar Harian*, di sini, semalam.

Siti Nur berkata hasil pemeriksaan awal, kontena berkenaan diimport dari China dan Paraguay.

Menurutnya, pihaknya masih menjalankan siasatan lanjut bagi mengesan pengimport terbabit.

Kes disiasat di bawah Seksyen 11 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) iaitu keperluan permit, lesen dan perakuan bagi mana-mana pengimport dan pengeksport tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma yang melanggar seksyen itu, disabit-



Kotak berisi daging ayam yang telah diproses tanpa sebarang permit dan dokumen pengesahan status halal.



kan denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara maksimum enam tahun atau kedua-duanya.

Selain bagi kesalahan kedua atau berikutnya, denda RM150,000 atau penjara maksimum tujuh tahun atau kedua-duanya.

Kontena berisi bahan mentah berasaskan daging tanpa permit diperiksa.